



PELAN STRATEGIK

PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA

2023-2025



PELAN STRATEGIK

2023-2025





Hak Cipta
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia

Diterbitkan oleh:

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras -1, 1 & 2, Setia Perdana 7,
Kompleks Setia Perdana,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Malaysia



KANDUNGAN

PELAN STRATEGIK CGSO 2023-2025

- 5 PENDAHULUAN**
- 16 SENARIO PERUBAHAN PERSEKITARAN**
- 22 HALA TUJU**
- 25 TERAS 1: MEMPERTINGKATKAN PROFESIONALISME DALAM MENCAPAI PRESTASI, PRODUKTIVITI DAN DAYA INOVASI PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN**
- 33 TERAS 2: MEREKAYASA ORGANISASI BAGI MELAHIRKAN MODAL INSAN, TADBIR URUS DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG HOLISTIK**
- 39 TERAS 3: MENERAJUI PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN YANG MAMPAH DAN KOMPREHENSIF**
- 45 TERAS 4: MEMPERKASA SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL YANG EFISIEN DAN SELAMAT SELARI DENGAN REVOLUSI INDUSTRI**
- 52 TERAS 5: MEMPERKUKUHKAN PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN KE ARAH PEMBUDAYAAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN**
- 60 MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN**
- 61 PENUTUP**
- 62 KEURUSETIAAN PELAN STRATEGIK CGSO 2023-2025**

PENDAHULUAN

KATA-KATA HIKMAH



“Cabar baru ini menuntut kerajaan untuk segera memperkasa pengetahuan, kemahiran dan memantapkan kepakaran khususnya dalam kalangan penjawat awam bagi memastikan kemajuan teknologi dapat diadaptasi dengan selamat serta menyumbang ke arah **pengukuhan keselamatan menyeluruh**.”

**YBHG. TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

“Kejayaan sesuatu Jabatan bergantung kepada perancangan dan hala tuju yang telah dirancang. Tindakan segera dengan menentukan **hala tuju strategik, semakan semula pelan strategik sedia ada dan inisiatif *quick-wins & low hanging fruits*** hendaklah dilaksanakan.”

**YBHG. DATUK SERI SOLLEHUDDIN ALYUBI BIN ZAKARIA
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN**



PERUTUSAN

KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
RAHIMI BIN ISMAIL



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah Subhanahuwa Ta'ala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) berjaya menghasilkan Pelan Strategik CGSO bagi tempoh tiga (3) tahun bermula 2023 sehingga 2025.

Pelan strategik ini mempunyai 5 teras yang menggariskan hala tuju CGSO dan rangka tindakan strategik untuk pelaksanaan dasar, perancangan program, rekayasa serta pembangunan CGSO. Selaras dengan dasar-dasar kerajaan, pelan ini merupakan satu panduan kepada warga CGSO dalam meningkatkan mutu dan mencapai objektif penyampaian perkhidmatan sebagai peneraju Keselamatan Perlindungan dan Sasaran Penting sejajar dengan

**moto CGSO: Lindungi Aset Negara dan
slogan: Rahsiakan Rahsia Kerajaan.**


Dalam kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Urus setia Induk Pelan Strategik CGSO 2023-2025 dan semua yang terlibat, di atas segala usaha dalam merencana dan merealisasikan penerbitan pelan strategik ini.


Akhir kata, diharapkan melalui pelan strategik ini, semua warga CGSO dapat menghayati dan menggalas tanggungjawab serta peranan masing-masing dalam usaha mendokong Pelan Strategik CGSO sekaligus menjadikan CGSO sebagai peneraju Keselamatan Perlindungan yang unggul.

Sekian.

Pelan Strategik CGSO 2023-2025 dirangka berpandukan dasar-dasar semasa kerajaan. Dalam konteks ini, pelan tindakan CGSO yang digariskan di dalam Pelan Strategik 2023 – 2025 telah dijajarkan seiring dengan agenda nasional berdasarkan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju dalam semua aspek iaitu ekonomi, politik, sosial, kerohanian, keselamatan, psikologi dan budaya.

Sehubungan dengan itu, pelan strategik ini merupakan satu pelan yang melakar perjalanan pembangunan masa hadapan CGSO untuk menjadi peneraju keselamatan perlindungan dan sasaran penting bagi menjamin keselamatan aset negara.





TERAS-TERAS UTAMA PELAN STRATEGIK CGSO 2023-2025

TERAS 1

Mempertingkatkan profesionalisme dalam mencapai prestasi, produktiviti & daya inovasi pengurusan keselamatan perlindungan.

TERAS 5

Memperkuatkuarkan pematuhan & penguatkuasaan ke arah pembudayaan keselamatan perlindungan

TERAS 2

Merekayasa organisasi bagi melahirkan modal insan, tadbir urus & penyampaian perkhidmatan yang holistik.

TERAS 3

Menerajui pengurusan keselamatan perlindungan yang mampan dan komprehensif.

TERAS 4

Memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan digital yang efisien & selamat selari dengan revolusi industri

CGSO telah mengenal pasti lima(5) teras, 11 strategi & 57 program bagi memastikan visi & misi dapat direalisasikan demi menjadikan pejabat ini sebuah organisasi peneraju keselamatan perlindungan & sasaran penting bagi menjamin keselamatan aset negara.



RINGKASAN SEJARAH



YBRS. EN. MOHDAR BIN AHMAD
KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN
(1991 - 1996)



YBRS. EN. ISMAIL RAUTIN, DRY (1964)
KETUA PEGAWAI KESELAMATAN PERSEKUTUAN
(1979 - 1985)



MR. GURCHAN SINGH
KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN
(1957 - 1965)



MR. JOHN (APOLIS) ROBERT MOORTHY
KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN
(1965 - 1979)



YBRS. EN. MICHAEL ONG CHENG SAN
KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN
(1985 - 1990)



YBHG. DATO' HAJI WAN MIZD SAFAIN
BIN HAJI WAN HASAN
KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN
(1996 - 2002)



YBHG. TAN SRI MAHMOOD BIN ADAM
KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN
(2003 - 2008)



YBHG. DATO' ALOYAH BINTI MAMAT
KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
(DIS 2014 - MEI 2016)



YBHG. CP. DATO' ZAMRI BIN YAHYA
KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
(FEB 2017 - OKT 2017)



YBHG. DATO' SOLLEHHUDDIN ALYUBI
BIN ZAKARIA
KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
(DIS 2019 - JULAI 2020)

1957

Penempatan Pejabat dari Kementerian Dalam Negeri ke Jabatan Perdana Menteri sehingga sekarang.

Pelantikan Pegawai Keselamatan Kerajaan pada 15 Jun 1957 melalui rujukan "Confidential General Circular No. 1, of 1958, Goverment Security Officer, Federation of Malaya".

1977

1993

Diberi tanggungjawab sebagai Urus Setia Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting melalui Arahan Tetap Sasaran Penting yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri. Merupakan satu arahan yang digunakan bagi menggantikan "State Key Point/Counter Sabotage Committee Standing Policy Directive" yang diguna sebagai rujukan sejak tahun 1962

2010

Perlantikan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan selaku Ketua Perkhidmatan bagi Skim Keselamatan & Pertahanan Awam (KP) di peringkat Persekutuan



RAHIMI BIN ISMAIL
KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
(MAC 2021 - KINI)



YBHG. DATO' HAJI JONAH
BIN HAJI JAMALUDIN
KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
(2006 - 2014)



YBHG. DATO' AZINI BIN MOHD SHAHID
KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
(MEI 2016 - FEB 2017)




YBHG. DCP DATO' SANUSI BIN SIDIK
KETUA PENGARAH KESELAMATAN DAN EDUKASI
(OKT 2017 - NOV 2019)



YBRS. TUAN KHAIRUL ANWAR
BIN HJ. ZAKARIA
KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
(OGOS 2020 - MAC 2021)



CARTA ORGANISASI





FUNGSI CGSO

01

Merancang, merumus, menyelaras & melaksanakan Sistem Kawalan Keselamatan Perlindungan.

02

Menangani sebarang ancaman sabotaj yang boleh menjelaskan fungsi Jabatan Kerajaan & berkepentingan kepada ekonomi, pertahanan, keselamatan, & imej negara.

03

Mendidik penjawat-penjawat awam menerima & mematuhi peraturan-peraturan keselamatan sebagai kewajipan mereka supaya sentiasa sedar akan kepentingan melindungi rahsia rasmi kerajaan.

04

Menguatkuasa, memantau & memberikan khidmat nasihat kepada semua Kementerian, Jabatan & Agenzia Kerajaan bagi mematuhi Akta Rahsia Rasmi 1972, Arahan Keselamatan (Semakan & Pindaan 2017) & pekeliling-pekeliling berkaitan.

05

Memastikan prinsip-prinsip keselamatan perlindungan ICT dipatuhi berpandukan Arahan Keselamatan (Semakan & Pindaan 2017), Rangka Kerja Keselamatan Siber Sektor Awam (RAKSSA) & pekeliling-pekeliling berkaitan supaya keselamatan aset & maklumat ICT terjamin sepanjang masa.

06

Menentukan hanya penjawat awam yang setia kepada Kerajaan sahaja diambil berkhidmat.

07

Mengurus setia Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting (JPSP) & Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri (JSPN).



PUNCA KUASA

- 01 Akta Rahsia Rasmi 1972.
- 02 Akta Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan 1959.
- 03 Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).
- 04 Arahan Tetap Sasaran Penting.
- 05 Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2021 (Meningkat Kualiti Dan Tadbir Urus Keselamatan Perlindungan Di Jabatan-Jabatan Kerajaan).
- 06 Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2007 (Pekeliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospatial Terperingkat).
- 07 Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1987 (Peraturan Pengurusan Rahsia Rasmi Selaras Dengan Peruntukan-Peruntukan Akta Rahsia Rasmi (Pindaan 1986)).
- 08 Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 1982 (Permohonan Ruang Pejabat Sama Ada Dalam Bangunan Gunasama Ataupun Di Sewa Bangunan Swasta).
- 09 Pekeliling Keselamatan/Arahan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Yang Dikeluarkan Dari Semasa Ke Semasa.
- 10 Dasar Dan Peraturan Pas Keselamatan, Kad Pengenalan Jabatan Dan Kad Kuasa Serta Arahan Tetap Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Mencetak Pas-Pas Keselamatan Dan Kad-Kad Pengenalan Kementerian Dan Jabatan.
- 11 Teras 6 Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA)- Melindungi Aset dan Sasaran Penting Negara.
- 12 Rangka Kerja Keselamatan Siber Sektor Awam (RAKKSSA).



PEMEGANG TARUH





PELANGGAN

Penghuni Sasaran Penting Negara di Sektor Awam & Swasta Berkaitan

Pelabur Industri Berkaitan Komuniti Keselamatan

Rakyat Malaysia

Kementerian/ Jabatan/
Agenzi/ Badan Berkanun
Persekutuan

Jabatan/ Agenzi/
Badan Berkanun Negeri

02

01

03


05

04

06

07

Penjawat Awam



SENARIO PERUBAHAN PERSEKITARAN



ISU DAN CABARAN

Ketika negara melangkah ke dekad baharu, pelbagai isu dan cabaran keselamatan timbul yang merubah landskap pengurusan kawalan keselamatan negara. Ancaman keselamatan kini tidak hanya bersifat tradisional tetapi bersifat bukan tradisional yang sangat dinamik dan kompleks. Untuk itu, dalam menganalisis isu dan cabaran keselamatan dalam negara, analisis ke atas persekitaran dalaman dan luaran di CGSO telah dilaksanakan. Hasil daripada analisis tersebut terdapat 5 isu dan cabaran utama CGSO telah dikenal pasti yang perlu ditangani dalam tempoh pelaksanaan pelan strategik ini. Semua isu dan cabaran ini memerlukan strategi yang bersifat holistik dan terselaras.

1. MEMPERKASA SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL YANG EFISIEN DAN SELAMAT SELARI DENGAN REVOLUSI INDUSTRI

Pelan Strategik CGSO dirangka dengan mengambil kira elemen Rancangan Malaysia ke 11 (RMK11), Rancangan Malaysia ke 12 (RMK12) dan dasar-dasar kerajaan yang dibangunkan pada masa kini. Dalam konteks ini, Pelan Strategik 2023-2025 yang dibangunkan seiring dengan konsep Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim yang menekankan pemerkasaan ekonomi dan budaya berteraskan nilai, etika dan akhlak.



Sehubungan dengan itu, pelan strategik ini merupakan satu pelan yang melakarkan perjalanan pembangunan masa hadapan CGSO untuk menjadi peneraju utama keselamatan perlindungan dan sasaran penting bagi menjamin keselamatan aset dan kepentingan negara. Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021- 2025 menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan sektor awam bagi memacu agenda Kerajaan Digital yang mampan ke arah membentuk masyarakat digital.

Justeru itu, CGSO perlu selangkah ke hadapan dalam mengenalpasti dan menganalisis perubahan budaya perkhidmatan awam dan kemunculan ancaman-ancaman keselamatan baharu yang berteraskan teknologi serta memastikan setiap polisi keselamatan sentiasa dikemaskini mengikut peredaran global masa kini.



ISU DAN CABARAN

2. MEMPERTINGKATKAN PROFESIONALISME DALAM MENCAPAI PRESTASI, PRODUKTIVITI DAN DAYA INOVASI PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

Profesionalisme dapat ditakrifkan sebagai tingkah laku, kemahiran atau kualiti yang dapat menunjukkan bahawa seseorang itu mempunyai pengalaman dan standard tinggi yang boleh diharapkan daripada ahli sesuatu profesi itu. Dengan lain perkataan, profesionalisme bermaksud memiliki kompetensi yang tinggi lengkap dengan pengetahuan dan kepakaran tugas yang dilaksanakan. Selaras dengan pembangunan pesat era pendigitalan pada masa kini, CGSO perlu memastikan pegawai dan kakitangan sentiasa didedahkan dengan isu serta pembangunan teknologi pada masa kini.

Cabarannya dalam meningkatkan tahap profesionalisme bagi pegawai dan kakitangan CGSO masa kini perlu mempunyai penyelidikan yang menyeluruh dan memastikan para pegawai mempunyai kemahiran luas sejajar dengan Rangka Kerja Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL), kerana ia mampu memberi impak kepada ekonomi digital yang membabitkan masyarakat, perniagaan dan kerajaan.



Sejauh manakah pegawai dan kakitangan di CGSO mampu menerapkan budaya pembangunan ini, kerana Keselamatan Perlindungan pada masa kini bukanlah suatu perkara yang boleh dilaksanakan hanya dengan logik akal malahan ianya perlu dibudayakan kepada setiap agensi kerajaan mahupun di agensi-agensi yang terkait. Sehubungan dengan itu, CGSO perlu melahirkan pegawai dan kakitangan yang mempunyai "Minda Kelas Pertama" seperti yang dinyatakan oleh mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad melalui teras kedua Misi Nasional yang menyatakan bahawa modal insan berminda kelas pertama sebagai satu penumpuan secara holistik kepada kemajuan modal insan.

Pendekatan kepada pembangunan modal insan haruslah secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk ilmu sains, teknologi dan keusahawanan, dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi dalam menyampaikan perkhidmatannya.





ISU DAN CABARAN

3. MENERAJUI PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN YANG MAMPAH DAN KOMPREHENSIF

Penjawat awam perlu memperkasakan pengetahuan, kemahiran dan memantapkan kepakaran bagi mendepani cabaran serta ancaman dalam perlindungan keselamatan. Memetik kenyataan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, menyatakan bahawa perubahan landskap keselamatan yang semakin kompleks selain risiko berkaitan yang berkembang memerlukan penjawat awam mengadaptasi kemajuan teknologi dengan selamat. Selain daripada itu, beliau turut menyatakan bahawa pengenalan dan adaptasi terhadap teknologi baharu yang menyokong operasi serta fungsi organisasi seperti Internet Kebendaaan (IoT), Kecerdasan Buatan (AI), Big Data, Bring Your Own Devices (BYOD) dan Cloud Computing dilihat berupaya mendatangkan ancaman baharu yang perlu ditangani dengan berkesan sama seperti ancaman tradisional yang wujud dalam bentuk fizikal sebelum ini.



Justeru itu, CGSO perlu menjadi sebuah badan atau agensi yang bertanggungjawab untuk merancang, menggubal dan menguruskan dasar keselamatan perlindungan meliputi tadbir urus keselamatan, keselamatan fizikal, keselamatan rahsia rasmi, keselamatan rahsia rasmi dalam persekitaran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), keselamatan personel dan pengurusan kesinambungan perkhidmatan. Perkara ini perlulah dipandang berat agar setiap penggubalan akta atau pekeliling mampu memberikan kesan yang maksima dalam tadbir urus keselamatan perlindungan negara.



ISU DAN CABARAN

4. MEREKAYASA ORGANISASI BAGI MELAHIRKAN MODAL INSAN, TADBIR URUS DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN HOLISTIK

Menerusi amanat sulung mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam berkata, dalam memastikan organisasi awam efisien dan efektif, ketua jabatan perlu sentiasa meneliti, mengkaji fungsi sedia ada dan melakukan proses rekayasa (*business process re-engineering*). Beliau berkata, ia bagi memastikan organisasi terbabit sentiasa relevan dan memenuhi keperluan semasa serta mendatang. Oleh itu, CGSO perlu mengetahui berkenaan fungsi yang tidak lagi relevan hendaklah dijumudkan bagi membolehkan kita melaksanakan perkhidmatan dengan lebih berkesan berpaksikan objektif penubuhan organisasi itu sendiri.

CGSO hendaklah efisien dan efektif, organisasi sedia ada hendaklah diteliti dan dikaji dari segi saiz (*size*), struktur (*structure*) dan fungsi (*function*) bagi memastikan tiada pertindihan dan seterusnya perkhidmatan yang disampaikan kepada setiap perkhidmatan awam adalah optimum. Sejakar dengan perkara ini, CGSO dan agensi Kerajaan tidak boleh lagi kekal dengan pendekatan yang lama, tetapi perlu menghasilkan idea-idea baharu, serta sentiasa cuba melaksanakan kerja dengan cara yang terkini mengikut peredaran era pendigitalan selaras dengan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara dan Rangka Kerja Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL).





ISU DAN CABARAN


5. MEMPERKUKUHKAN PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN KE ARAH PEMBUDAYAAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

Penjawat awam kini perlu memperkasakan pengetahuan, kemahiran dan memantapkan kepakaran bagi mendepani cabaran serta ancaman dalam perlindungan keselamatan. Justeru itu, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Jabatan Perdana Menteri mempunyai peranan yang cukup kritikal sebagai penggerak utama dalam memastikan keselamatan perlindungan Kerajaan dan Sasaran Penting negara terpelihara. Selain daripada itu, CGSO perlu memastikan pembudayaan amalan keselamatan perlindungan terbaik secara berterusan di sektor awam dan swasta yang berkaitan dapat diterapkan dalam tadbir urus sesebuah organisasi tersebut.



Menurut kenyataan akhbar oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali ketika berucap sempena Majlis Perasmian Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan 2022 di Putrajaya menyatakan bahawa aspek keselamatan juga adalah tanggungjawab bersama yang perlu dipikul oleh semua agensi kerajaan dan Ketua Jabatan. Kenyataan ini menunjukkan bahawa setiap agensi kerajaan mahupun agensi swasta yang berkaitan perlu menerapkan pembudayaan keselamatan perlindungan yang terbaik. Oleh yang demikian, pihak CGSO perlu menjalankan kerjasama kukuh, kesefahaman yang jitu dan sokongan rentas agensi dengan mengetepikan kepentingan individu serta ego, adalah ramuan utama kejayaan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara.





HALA TUJU



KERANGKA STRATEGIK CGSO



01

VISI

Peneraju Keselamatan
Perlindungan dan Sasaran Penting
Bagi Menjamin Keselamatan Aset
dan Kepentingan Negara

Memperkasakan Pengurusan
Keselamatan Perlindungan dan
Sasaran Penting secara Holistik,
Bersepdua dan Berimpak Tinggi

02

MISI



NILAI TERAS SEPUNYA

AUTORITI

Melaksana & menguatkuasakan segala akta, peraturan & pekeliling yang dikeluarkan bagi memastikan keselamatan perlindungan & sasaran penting berada pada tahap optimum.

STRATEGIK

Bertindak secara terancang dalam merangka, menggubal dan melaksanakan program-program bagi mencapai *outcome* yang optimum, tepat & berkesan.

AMALAN TERBAIK

Bertindak secara profesional dalam melaksanakan tugas dengan komitmen yang tinggi, bertanggungjawab, gigih, memiliki ciri-ciri bijaksana, kreatif, inovatif, berdaya saing & proaktif serta bertindak berdasarkan amalan tadbir urus terbaik.

R

A

H

S

I

A

RESPONSIF

Sentiasa peka & prihatin kepada kehendak pemegang taruh & keperluan pelanggan di samping isu-isu senario semasa & bertindak pantas dalam mencari penyelesaian terbaik.

HARMONI

Menggembangkan tenaga, pengetahuan & pengalaman melalui semangat kerja berpasukan yang tinggi untuk mencapai visi & misi organisasi.

INTEGRITI

Melaksanakan tugas dengan penuh amanah, jujur, ikhlas & boleh dipercayai. Sentiasa memastikan kerahsiaan maklumat organisasi dilindungi & bertanggungjawab terhadap perlindungan keselamatan aset & maklumat dari sebarang risiko pendedahan & kebocoran.



TERAS STRATEGIK 1

MEMPERTINGKATKAN PROFESIONALISME DALAM MENCAPAI
PRESTASI, PRODUKTIVITI & DAYA INOVASI PENGURUSAN
KESELAMATAN PERLINDUNGAN.

2023
2025

STRATEGI MENINGKATKAN KOMPETENSI DAN KEPAKARAN MODAL INSAN

1



10 PROGRAM



Latihan & Pensijilan




Panel Penemuduga
CGSO




Latihan Teknikal




Kerjasama Strategik




Penyediaan
Program Latihan




Pensijilan Profesional
& Akreditasi



Kenalpasti &
Kelulusan SME



Peningkatan Tahap
Akademi



Makmal Keselamatan
Perlindungan



Program Khusus
Berkaitan Dasar

STRATEGI

MENINGKATKAN KOMPETENSI DAN KEPAKARAN MODAL INSAN

1

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPD)	SASARAN			TINDAKAN
			2023	2024	2025	
1.	Pelaksanaan latihan & pensijilan daripada badan yang diiktiraf kepada auditor. <ul style="list-style-type: none"> • Program Bersama Jabatan Standard Malaysia (JSM) • Program bersama Akademi Audit Negara • Program bersama National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) • Program bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) 	Bilangan latihan/ pensijilan	2	2	2	BIPP
2.	Mewujudkan panel penemuduga yang terdiri daripada kalangan pegawai CGSO.	Bilangan Latihan	2	2	2	BKPs
		Bilangan Modul	-	-	1	BKPs
3.	Latihan teknikal bersama badan-badan yang diiktiraf.	Bilangan Latihan	2	2	2	BKFPT
4.	Kerjasama strategik bersama agensi dari dalam dan luar negara. <ul style="list-style-type: none"> a. Program bersama rakan-rakan strategik dalam negara seperti: <ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Dalam Negeri (KDN), • Polis DiRaja Malaysia (PDRM) • Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) • Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) • Forest Research Institute Malaysia (FRIM) • Jabatan Kerja Raya (JKR) • Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) • Jabatan Ukar dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) • Malaysian Space Agency (MYSA) • Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) • National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) • Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) • Bahagian Geospatial Pertahanan (BGSP) • Atomic Energy Licensing Board (AELB) 	Bilangan Program	5	5	5	ILKEM

STRATEGI MENINGKATKAN KOMPETENSI DAN KEPAKARAN MODAL INSAN

1

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPD)	SASARAN			TINDAKAN
			2023	2024	2025	
4.	<ul style="list-style-type: none"> • Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia). • Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) • Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) • Cyber Security Malaysia (CSM) 					
	b. Program bersama rakan-rakan strategik luar negara berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> • Kursus Keselamatan Perlindungan • Kursus <i>Computer Security Forensic Analysis and Investigation</i> 	Bilangan Program	-	5	5	ILKEM/ BKP
	c. Study Tour/ Benchmark	Bilangan Study Tour/ Benchmark	1	1	1	BKICTRR/ ILKEM
5.	Penyediaan program latihan yang selari dengan Pelan Operasi Latihan (POL). <ul style="list-style-type: none"> • Kursus Pembangunan Minda • Kursus Pengukuhan Pasukan • Kursus Kemahiran Komunikasi • Kursus Peningkatan Kompetensi 	Bilangan Program	4	4	4	ILKEM/ BKP
6.	Pensijilan profesional dan akreditasi. <ul style="list-style-type: none"> • PCIP- <i>Profesional Critical Infrastructure Protection</i> (CII Canada) • <i>Computer Hacking Forensic Investigator</i> (CHFI) • <i>Certified Protection Profesional</i> (CPP) – ASIS • <i>Technical Specialist</i> 	Bilangan Pegawai Yang Mendapat Sijil/ Pengiktirafan	2	2	2	BKP/ ILKEM/ BKICTRR/ BKFPT/ BSPKLTL
7.	Mengenalpasti bidang <i>Subject Matter Expert</i> (SME) dan mendapat kelulusan SME daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).	Bilangan Program	1	1	1	BKP/ ILKEM/ BKICTRR/ BKFPT/ BSPKLTL

STRATEGI

MENINGKATKAN KOMPETENSI DAN KEPAKARAN MODAL INSAN

1

Bil.	Program	Indikator Sasaran (KPI)	Sasaran			Tindakan
			2023	2024	2025	
8.	Peningkatan tahap akademik dengan kerjasama Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/ Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)/ Institut Latihan. • Program Peringkat Sijil/ Diploma/ Ijazah/ Master bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran.	Bilangan Program	2	2	2	ILKEM/ BKP
9.	Memaksimumkan fungsi makmal dengan mengadakan program/ kursus Makmal Keselamatan Perlindungan. • Kursus/ Program bersama Cyber Security Malaysia (CSM), BKICTR, BSPKLT, BKFPT.	Bilangan Kursus/ Program	2	2	2	ILKEM/ BKICTRR/ BSPKLT/ BKFPT
10.	Program khusus berkaitan pemahaman perubahan dasar-dasar Keselamatan Perlindungan dalam keselamatan ICT. Pendedahan kepada semua pegawai dan kakitangan CGSO negeri berkaitan: • Pengkomputeran Awan • Sanitasi Media • Dasar Ketirisan Maklumat • Tatacara Pengurusan Rekod Rahsia Rasmii dalam DDMS (Digital Document Management System)	Bilangan Program	2	2	2	ILKEM/ BKICTRR



STRATEGI MEMPERKUKUKAN KOMUNITI KESELAMATAN MELALUI KERJASAMA STRATEGIK

2



2 PROGRAM



Memorandum of Understanding
(MOU)



Jalinan Kerjasama Strategik Bersama
Agensi Luar




STRATEGI

MEMPERKUKUHKAN KOMUNITI KESELAMATAN MELALUI KERJASAMA STRATEGIK

2

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	SASARAN			TINDAKAN
			2023	2024	2025	
1.	<i>Memorandum Of Understanding</i> (MOU) antara CGSO dengan jabatan dan agensi kerajaan antaranya Jabatan Audit Negara, Lembaga Tabung Haji (TH) dan Jabatan Standard Malaysia (JSM).	Bilangan MOU	1	1	1	BIPP
2.	Jalinan kerjasama strategik bersama agensi luar terutamanya komuniti keselamatan sektor awam dan swasta.					
	a) Program <i>on-job training</i> di antara sektor industri keselamatan bersama pemain industri bidang keselamatan perlindungan. (pembuatan/pembekal perkhidmatan)	Bilangan Program	2	2	2	BKFPT
	b) Program bersama agensi/badan yang dikenalpasti (sektor penyiaran/ penerangan)	Bilangan Aktiviti	1	1	1	BPK
	c) Program bersama:					
	<ul style="list-style-type: none"> • Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC) • Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) • National Cyber Security Agency (NACSA) • Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) • Cyber Security Malaysia (CSM) 	Bilangan Program	1	1	1	BKICTRR





TERAS STRATEGIK 2

MEREKAYASA ORGANISASI BAGI MELAHIRKAN MODAL INSAN,
TADBIR URUS & PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG HOLISTIK.

2023
2025

STRATEGI MENINGKATKAN KEUPAYAAN ORGANISASI

1



11 PROGRAM



Jalinan
Kerjasama
Strategik Bersama
Agensi Luar



Kajian
Pelaksanaan
Fast-track Skim KP



Program
Pemerksaan dan
Pengukuhan
Pegawai Kader



Kajian Penempatan
Silang GSO



Kajian Keseronokan
Bekerja



Pelan AntiRasuah
CGSO



Kajian Struktur,
Saiz Perjawatan &
Fungsi Organisasi



Penyelidikan dalam
Bidang
Keselamatan
Perlindungan



Kajian *Entry Point*
KP II



Kajian Kesesuaian
Kenaikan Pangkat



Kajian wujudkan
GSO di Kedutaan

STRATEGI MENINGKATKAN KEUPAYAAN ORGANISASI

1

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPD)	SASARAN			TINDAKAN
			2023	2024	2025	
1.	Penubuhan Bahagian Keselamatan Perlindungan (BKEP) di Kementerian /Jabatan/Agensi Persekutuan.	Peratus Pelaksanaan Kajian	30%	50%	100%	BKFPT
2.	Kajian Penempatan Silang GSO.	Peratus Pelaksanaan Kajian	50%	80%	100%	BPK/BKP
		Bilangan Program On Job Training	1	1	1	
3.	Kajian struktur, saiz perjawatan dan fungsi organisasi.	Peratus Penyediaan Kertas Cadangan	100%	-	-	BKP
4.	Kajian kesesuaian kenaikan pangkat semua gred skim KP secara <i>Time-Based</i> .	Peratus Pelaksanaan	50%	80%	100%	BKP
5.	Melaksanakan kajian kesesuaian pelaksanaan <i>fast-track</i> skim KP.	Peratus Pelaksanaan	50%	80%	100%	BKP/ ILKEM
6.	Melaksanakan Kajian Keseronokan Bekerja.	Peratus Dapatan Kajian	80%	85%	90%	BKP
7.	Penyelidikan dan penerbitan dalam bidang Keselamatan Perlindungan yang melibatkan kerjasama bersama pihak berkaitan seperti INTAN, DBP, IPTA/IPTS Dan Perpustakaan Negara.	Bilangan Penerbitan	1	1	1	ILKEM
8.	Program pemerkasaan dan pengukuhan pegawai-pegawai kader CGSO.	Bilangan Program	1	1	1	ILKEM
9.	Pelan Anti Rasuah CGSO 2022-2025 (OACP CGSO).					
	a) Program pengukuhan etika dan integriti pegawai.	Bilangan Program	5	5	5	UI
	b) Pengauditan dan naziran.	Bilangan Pengauditan Dan Naziran	6	6	6	UI
	c) Pemantauan inisiatif bagi Pelan AntiRasuah CGSO 2022-2025 (OACP CGSO)	Bilangan Pemantauan	2	2	2	UI
10.	Kajian <i>Entry Point</i> KP 11.	Peratus Pelaksanaan	-	50%	100%	BKP
11.	Kajian mewujudkan GSO di kedutaan	Peratus Pelaksanaan	30%	50%	100%	BKP/ BKFPT/ BIPP

STRATEGI MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR ORGANISASI

2



4 PROGRAM



Memperkasa dan
Mengakreditasi Makmal
Forensik Dokumen



Menyediakan Kelengkapan
Makmal



Pelaksanaan Ekosistem
Kondusif Sektor Awam
(EKSA)



Kajian Menaik taraf
Infrastruktur CGSO



STRATEGI MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR ORGANISASI

2

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	SASARAN			TINDAKAN
			2023	2024	2025	
1.	Program pemerkasaan dan akreditasi Makmal Forensik Dokumen dengan kerjasama strategik jabatan/ agensi kerajaan seperti : <ul style="list-style-type: none">• Jabatan Standard Malaysia• Jabatan Kimia Malaysia• Jabatan Imigresen Malaysia• Bank Negara Malaysia	Peratus Pelaksanaan Aktiviti	30%	50%	100%	BKFPT
2.	Menyediakan kelengkapan makmal bagi: <ul style="list-style-type: none">• Makmal Forensik Dokumen• Makmal Keselamatan Fizikal• Makmal Forensik Digital• Makmal KLTL• Makmal Komputer	Peratus Penyediaan Kelengkapan Makmal	30%	50%	100%	ILKEM/ BKICTRR/ BSPKLTL/ BKFPT
3.	Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).	Peratus Pelaksanaan	50%	100%	-	BKP
4.	Melaksanakan Kajian Keperluan Menaik taraf Infrastruktur CGSO seluruh negara.	Peratus Pelaksanaan	30%	70%	100%	BKP







TERAS STRATEGIK 3

MENERAJUI PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN YANG
MAMPAN DAN KOMPREHENSIF

2023
2025

STRATEGI MELAKSANAKAN PENILAIAN DAN PENGIFTIRAFAN

1



2 PROGRAM



Anugerah Khas Keselamatan
Perlindungan



Anugerah Penarafan Bintang
Sasaran Penting



STRATEGI

MELAKSANAKAN PENILAIAN DAN PENGITIRAFAN

1

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	SASARAN			TINDAKAN
			2023	2024	2025	
1.	Tadbir urus pelaksanaan Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan seluruh negara.	Bilangan Inspektorat (2 Tahun Sekali) - 101 Jumlah Inspektorat 15 Negeri x 5 Agensi dan 26 Kementerian	101	-	101	BIPP
2.	Tadbir urus pelaksanaan Anugerah Penarafan Bintang Sasaran Penting seluruh negara.	Bilangan Naziran (2 Tahun Sekali) - 15 SP1 dan 15 SP2 (Setiap Negeri)	30	-	30	BSPKLTL



STRATEGI ILKEM SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

2



3 PROGRAM



Pemantapan Modul
Keselamatan Perlindungan



Tadbir Urus Pelan
Kesinambungan
Perkhidmatan



Makmal Keselamatan
Perlindungan – Makmal
Forensik Digital

STRATEGI ILKEM SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

2

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	SASARAN			TINDAKAN
			2023	2024	2025	
1.	Pemantapan modul keselamatan perlindungan bagi Kursus / Latihan khusus kepada Pengawal Keselamatan Swasta yang bertugas di agensi kerajaan.	Peratus Pelaksanaan Kajian	30%	50%	100%	ILKEM/ BKFPT
2.	Tadbir Urus Pelan Kesinambungan Perkhidmatan.	Bilangan Modul	1	1	1	ILKEM/ BIPP/ BKICTRR
		Bilangan Program Transfer of Knowledge (TOK)	2	2	2	ILKEM/ BIPP/ BKICTRR
		Bilangan Kursus	2	2	2	ILKEM/ BIPP/ BKICTRR
		Bilangan Bengkel	2	2	2	ILKEM/ BIPP/ BKICTRR
3.	Membangunkan Modul Makmal Forensik Digital.	Peratus Pembangunan Modul	30%	50%	100%	ILKEM/ BKICTRR







TERAS STRATEGIK 4

MEMPERKASA SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL
YANG EFISIEN DAN SELAMAT SELARI DENGAN REVOLUSI INDUSTRI

2023
2025

STRATEGI MENDIGITALKAN SISTEM PERKHIDMATAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

1



6 PROGRAM



Sistem e-Protective
Security



Sistem e-Vetting 3.0



Sistem Penilaian Risiko dan
Penetapan Status SPKLTL



STRATEGI MENDIGITALKAN SISTEM PERKHIDMATAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

1



6 PROGRAM



Sistem Keselamatan Fizikal
dan Penilaian Teknikal



Sistem Panggilan Telefon



Kajian Pendigitalan Buku
Daftarkan Suratan Rahsia Rasmi



STRATEGI

MENDIGITALKAN SISTEM PERKHIDMATAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

1

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	SASARAN			TINDAKAN
			2023	2024	2025	
1.	Membangunkan Sistem e-Protective Security.	Peratus Pembangunan	60%	100%	-	BKP/ BKICTRR/ BIPP/ BKFPT / ILKEM
2.	Membangunkan Sistem e-Vetting 3.0.	Peratus Pembangunan	60%	100%	-	BKP/ BKP
3.	Membangunkan Sistem Penilaian Risiko Dan Penetapan Status Di SPKLTL/ <i>Soft Target</i> .	Peratus Kajian Pembangunan	20%	60%	100%	BSPKLTL/ BKP
4.	Kajian Pembangunan modul sistem/ aplikasi keselamatan fizikal & penilaian teknikal (spesifikasi) seperti: <ul style="list-style-type: none"> Pengurusan maklumat dan pelaporan bagi permohonan Ruang Pejabat. Pengurusan maklumat spesifikasi keselamatan fizikal. 	Peratus Pelaksanaan Kajian	30%	50%	100%	BKFPT
5.	Pembangunan Sistem Panggilan Telefon Yang Komprehensif CGSO.	Peratus Pelaksanaan Kajian	100%	-	-	BKP
		Peratus Pembangunan Sistem	-	40%	100%	BKP
6.	Kajian dan Pembangunan Pendigitalan Buku Daftar Suratan Rahsia Rasmi.	Peratus Pelaksanaan	50%	100%	-	BKICTRR




STRATEGI MEMANTAPKAN PROSES KERJA MELALUI PENGGUNAAN SISTEM ICT


2



4 PROGRAM



Pengemasian Maklumat
SPKLTL
Di e-SPKLTL/ Soft Target



Pengaplikasian Digital
Document Management System
(DDMS)



Pengurusan e-mel Rahsia
Rasmi



Penyediaan chatbot Di Sistem
e-Vetting

STRATEGI MEMANTAPKAN PROSES KERJA MELALUI PENGGUNAAN SISTEM ICT

2

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	SASARAN			TINDAKAN
			2023	2024	2025	
1.	Pengemaskinian Maklumat SPKLTL Dalam Sistem Bersepadu Sasaran Penting, e-SPKLTL/ <i>Soft target</i> .	Peratus Kemaskini	100%	100%	100%	BSPKLTL
2.	Pengaplikasian <i>Digital Document Management System (DDMS)</i> Dalam Persekutuan Rahsia Rasmi	Peratus Pelaksanaan	100%	-	-	BKICTRR/ BKP
3.	Pengurusan e-mel Rahsia Rasmi.	Peratus Pelaksanaan	-	100%	-	BKICTRR
4.	Penyediaan platform <i>chatbot</i> dalam sistem e-Vetting.	Peratus Pelaksanaan	-	100%	-	BKP/ BKPs







TERAS STRATEGIK 5

MEMPERKUKUHKAN PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN KE ARAH
PEMBUDAYAAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

2023
2025

STRATEGI MEMPERKUKUHKAN UNDANG-UNDANG SEDA ADA DAN MENGGUBAL DASAR BAHRU

1



6 PROGRAM



Pindaan Akta KLTL 1959 dan
Penggubalan Akta SP



Pindaan Arahan Tetap
Sasaran Penting



Kajian Semula Akta Rahsia
Rasmi 1972



Penggubalan Peraturan 30A,
Akta Rahsia Rasmi 1972



Mekanisme Menyenarai dan
Menyelia Tempat Larangan



Penggubalan Pekeliling/
Garis Panduan



STRATEGI MEMPERKUKUHKAN UNDANG-UNDANG SEDIA ADA DAN MENGGUBAL DASAR BAHARU

1

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	SASARAN			TINDAKAN
			2023	2024	2025	
1.	Pindaan Akta KLTL 1959 dan Penggubalan Akta SP	Peratus Pelaksanaan	30%	60%	100%	BSPKLTL
2.	Pindaan Arahan Tetap Sasaran Penting.	Peratus Pelaksanaan	30%	60%	100%	BSPKLTL
3.	Kajian semula Akta Rahsia Rasmi 1972.	Peratus Pelaksanaan	40%	100%	-	BKICTRR
4.	Penggubalan Peraturan 30A, Akta Rahsia Rasmi 1972.	Peratus Pelaksanaan	40%	100%	-	BKICTRR
5.	Mewujudkan mekanisme menyenarai dan menyelia Tempat Larangan Di Bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.	Peratus Pelaksanaan	100%	-	-	BKICTRR



STRATEGI

MEMPERKUKUHKAN UNDANG-UNDANG SEDA ADA DAN MENGGUBAL DASAR BAHARU

1

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	SASARAN			TINDAKAN
			2023	2024	2025	
6.	Penggubalan pekeliling dan garis panduan					
	a) Garis Panduan Penggunaan Sistem Keselamatan Terhadap Pencerobohan Dron di SPKLTL.	Bilangan Garis Panduan	1	-	-	BSPKLTL
	b) Penggubalan Pekeliling Berkaitan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan.	Bilangan Pekeliling	1	-	-	BIPP
	c) Penggubalan Garis Panduan Berkaitan Jawatankuasa Penama Berekod.	Bilangan Garis Panduan	1	-	-	BKPs
	d) Mengemaskini dan menggubal Garis Panduan dan Spesifikasi Keselamatan Fizikal berdasarkan keperluan dan <i>technology update</i> .	Bilangan Garis Panduan/ Spesifikasi	2	2	2	BKFPT
	e) Penyediaan Pekeliling/ Garis Panduan Pengurusan Rahsia Rasmi Meliputi Persekitaran ICT. <ul style="list-style-type: none"> • SOP Makmal Forensik • Digital Document Management System (DDMS) Rahsia Rasmi. • E-mel Rahsia Rasmi • <i>Mobile Computing</i> • Pelaporan Insiden Keselamatan • Panduan pengurusan Perkataan Kod 	Bilangan Garis Panduan	1	-	-	BIPP/ BKICTRR
	f) Penyediaan Garis Panduan Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP).	Bilangan Pekeliling	2	2	2	BKICTRR
		Bilangan Bengkel	5	-	-	BIPP/ BKICTRR

STRATEGI MEMANTAPKAN PEMATUHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN DI SEKTOR AWAM DAN SWASTA YANG BERKAITAN

2



5 PROGRAM




Mesyuarat JKJK



Tadbir Urus Pengurusan
Perlindungan Infrastruktur Utama
Negara & Soft Target



Kajian Penubuhan Unit
Penguatkuasaan & Siasatan



Kajian Mewujudkan
Jawatankuasa Pemeriksaan Sistem
Keselamatan ICT Sektor Awam



Kajian Menjadikan CGSO Badan
Pensijilan Keselamatan
Perlindungan

STRATEGI MEMANTAPKAN PEMATUHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN DI SEKTOR AWAM DAN SWASTA YANG BERKAITAN

2

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	SASARAN			TINDAKAN
			2023	2024	2025	
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-Jabatan Kerajaan (JKJK)	Bilangan Mesyuarat	2	2	2	BIPP
2.	Tadbir Urus Pengurusan Perlindungan Infrastruktur Utama Negara Dan <i>Soft Target</i> .	Bilangan Mesyuarat	2	2	2	BSPKLTL
		Bilangan Bengkel	2	2	2	BSPKLTL
3.	Kajian untuk menubuhkan Unit Penguatkuasaan Dan Siasatan.	Peratus Pelaksanaan	30%	50%	100%	BKICTRR / BKP
4.	Kajian mewujudkan Jawatankuasa Pemeriksaan Sistem Keselamatan ICT Sektor Awam.	Peratus Pelaksanaan	50%	100%	-	BKICTRR / BKFPT
5.	Kajian untuk menjadikan CGSO sebagai badan pensijilan/akreditasi Keselamatan Perlindungan.	Peratus Pelaksanaan	30%	50%	100%	BKFPT/ BSPKLTL



STRATEGI PEMBUDAYAAN AMALAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN TERBAIK SECARA BERTERUSAN DI SEKTOR AWAM DAN SWASTA YANG BERKAITAN

3




4 PROGRAM



Konvensyen Keselamatan
Perlindungan



Seminar Sasaran Penting



Pembudayaan Berkaitan
Keselamatan Perlindungan



Tadbir Urus Penyampaian dan
Publisiti Korporat CGSO

STRATEGI

PEMBUDAYAAN AMALAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN TERBAIK SECARA BERTERUSAN DI SEKTOR AWAM DAN SWASTA YANG BERKAITAN

3

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KPI)	SASARAN			TINDAKAN
			2023	2024	2025	
1.	Konvensyen Keselamatan Perlindungan.	Bilangan Konvensyen (2 Tahun Sekali)	-	1	-	BIPP
2.	Seminar Sasaran Penting.	Bilangan Seminar (2 Tahun Sekali)	-	1	-	BSPKLTL
3.	Pembudayaan Keselamatan Perlindungan kepada pegawai awam dan komuniti keselamatan.	Bilangan Jenis Pembudayaan	2	2	2	BKPs/ BPK
4.	Tadbir urus penyampaian dan publisiti korporat CGSO. <ul style="list-style-type: none"> • Program bersama Jabatan Penyiaran • Program bersama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) • Program bersama RTM 	Bilangan Program	1	2	1	BPK



MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Dalam menggerakkan pelan strategik yang telah digubal ini, mekanisme pelaksanaan dan pemantauannya telah ditetapkan seperti berikut:

PELAPORAN PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK JABATAN

Dalam menggerakkan pelan strategik yang telah digubal ini, pemantauan pencapaian akan dilaksanakan secara berkala dan akan dibentangkan serta diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT).

Pemantauan ini akan dilaksanakan oleh Pasukan Petugas Pelan Strategik CGSO 2023-2025 yang akan diurussetiakan oleh Bahagian Penyelaras dan Korporat (BPK) dan dianggotai oleh semua Pengarah Bahagian. Semua bahagian di CGSO Ibu Pejabat dan Negeri bertanggungjawab untuk membuat pelaporan, pengesahan data dan menganalisis pencapaian semasa pemantauan dan pelaporan dilaksanakan.

PASUKAN PETUGAS PELAN STRATEGIK CGSO

PENUTUP

Bagi memastikan CGSO terus memberikan perkhidmatan yang terbaik, pelan strategik ini telah menggariskan pelbagai tindakan dan pendekatan strategik dalam tempoh tiga (3) tahun akan datang. Seluruh warga CGSO perlu menjadikan pelan strategik ini sebagai teras kepada semua aktiviti organisasi agar hasrat yang ingin dicapai melalui pelan strategik ini berjaya direalisasikan.



PELAN STRATEGIK CGSO

KEURUSETIAAN

2023-2025

PENAUNG

Rahimi bin Ismail

PENASIHAT

Julaila binti Engan

KETUA URUS SETIA

Ahmad Shaharuddin bin Muhammad

PEREKA GRAFIK

Muhammad Syahril Amin bin Norazmi

URUS SETIA

- Fizrina binti Ismail
- Nur Atiqah binti Abdul Rahman
- Mohamed Izzhakim bin Abdul Halim
- Noraindilah bin Ayub
- Masfairuddin bin Masjidil
- Nur Hafizah binti Mohd Nazari

PENGHARGAAN

- Bahagian Keselamatan Personel
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keselamatan ICT & Rahsia Rasmi
- Bahagian Keselamatan Fizikal & Penilaian Teknikal
- Bahagian Sasaran Penting & Kawasan Larangan Tempat Larangan

- Bahagian Penyelarasan & Korporat
- Bahagian Inspektorat Pematuhan & Pengiktirafan
- Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia
- Unit Integriti
- Pejabat CGSO Negeri







Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras -1, 1 & 2, Setia Perdana 7,
Kompleks Setia Perdana,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Malaysia

